



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1959 > February > 19 > Page 5 > \$68,000 UNTOK BERI BUKTI



\$68,000 UNTOK BERI BUKTI

Berita Harian, 19 February 1959, Page 5

Share

Save Citation

<< Previous Article Next Article >>

\$68,000 UNTOK BERI BUKTI

Kerajaan bantu sekolah China

KUALA LUMPUR, Rabu.
HWA Chiao Middle School di-Segamat, sa-buah sekolah China yang telah banyak "menerima keritik" kerana menerima bantuan penoh dari Kerajaan, akan di-beri bantuan lagi sa-banyak \$68,000 untok mendirikan science laboratory.

Inche Mohamad Khir bin Johari, Menteri Pelajaran, menyatakan dalam Majlis Meshuarat Undangan hari ini bahawa bantuan itu akan dapat memberi bukti kepada orang2 yang tidak perchaya bahawa Kerajaan ingin hendak menolong pelajaran bangsa China supaya sasuai dengan chorak kebangsaan Tanah Melaya.

Inche Khir menerangkan ini ketika meminta Majlis memberikan wang tambahan \$893,200 untok meneruskan usaha2 Kementerian-nya.

Shor2 berguna

Menteri itu menerangkan bahawa shor2 yang akan di-kemukakan-nya kepada Majlis ada-lah berguna. Shor2 itu ta-lah:



● Mendirikan sa-buah bangunan untuk sekolah menengah jenis kebangsaan yang baharu di-Cameron Highlands. Dua buah sekolah yang ada sekarang akan kehilangan bangunan2 mereka.



● Membuka sa-buah sekolah pertukangan kampung di-Temerloh, Pahang. Beliau sedar bahawa banyak lagi sekolah2 di-kehendaki untuk memberi tempat kepada kanak2 yang tidak dapat masuk ke-sekolah menengah. Beliau berharap akan dapat mendirikan dua buah dahulu pada tahun ini, sa-kira-nya wang menchukupi.



● Sa-buah sekolah umum untuk kampung Jenderam yang dahulu-nya "kampung berhantu" di-Ulu Langat, Selangor.

Kutubkhanah



● Sa-buah bangunan kutubkhanah yang sa-suai untuk Maktab Latehan Sultan Idris di-Tanjong Malim.

● Bantuan untuk sekolah Melayu di - kampung2. Menggantikan rumah sekolah Sungai Baharu. Menyediakan tangki ayer di-sekolah2 Melayu yang tidak ada bekalan ayer, dan mendirikan sekolah Melayu yang baharu di-Prai.



● Bantuan sa - banyak \$15,000 untuk membesarkan sekolah di-High Street, Kuala Lumpur supaya dapat mengadakan kelas2 baharu.

→ Majlis Mesyuarat Undangan telah meluluskan permintaan wang tambahan yang diminta oleh Inche Khir.

NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)

 [Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2026 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31